

JULAI - DISEMBER 2022 EDISI 2

BULETIN PENGGRAM



MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

مجلس قرينداران باتوقاها

PERASMIAN JOHOR BERSIH 100 HARI

m/s 03

Dirasmikan Oleh
YB TUAN MOHD FARED BIN MOHD KHALID
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor

2 JULAI 2022, 8.30 AM
TARAN PENGGRAM, BATU PAHAT

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MINI SHOWCASE PEMBANGUNAN MAJU JOHOR DAERAH BATU PAHAT 2022

m/s 20

KEBUN KOMUNITI TAMAN BANANG JAYA

m/s 06

FUN RIDE SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA

m/s 17



Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mppb.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



BANDAR PENGGRAM BANDAR RENDAH KARBON 2030

Sidang Redaksi

PENAUNG

En. Ezahar bin Abu Sairin
(Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat)

PENASIHAT

En. Abdul Karim bin Haji Bakar
(Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat)

KETUA EDITOR

Puan Rosnaleza Binti Tugiman
(Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat & Korporat)

SIDANG PENGARANG

En. Saiful Rizal Bin Ateman
En. Saharudin Bin Mohd Taib

REKAAN GRAFIK

Jabatan Pembangunan Masyarakat & Korporat

FOTOGRAFI

En. Saharudin Bin Mohd Taib
En. Mohd Faiz Bin Jalil

Sidang Redaksi Buletin Penggaram amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada warga kerja dan orang awam dalam idea penerbitan Buletin Penggaram. Sebarang idea boleh dikemukakan ke:

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
DAN KORPORAT,
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
TEL : 07 : 07-433 3658 / 07-433 3144

Program Bebas Karbon

22 & 23

Majlis Perhimpunan Pagi MPBP 2022

24

Sejenak Di Bilik YDP

25

Gerak Mesra Ahli Majlis

26 & 27

Bengkel & Kursus

28

Yayasan Makmur Batu Pahat

29

Sukan

30 & 31

Pembayaran Cukai Harta

29

Perasmian Johor Bersih 100 Hari

03

**Lawatan Penanda Aras Ke Bandaraya
Melaka, Georgetown & Taiping**

04

**Draf Rancangan Tempatan
Daerah Batu Pahat 2030**

05

Kebun Komuniti Taman Banang Jaya

06

**Walkabout Skuad BP Hebat
Sempena Johor Bersih 100 Hari
Mesyuarat Jawatankuasa
Pengurusan Perindustrian MPBP**

07

**Penilai Sistem Penarafan Bintang
Pihak Berkuasa Tempatan 2022**

08

**Lawatan Kerja Akauntan SUKJ, MD Labis,
MD Yong Peng, MD Mersing Ke Jabatan
Penilaian & Pengurusan Harta MPBP
Program Tanggungjawab Korporat (CSR)
Sempena Johor Bersih 100 Hari Bersama
Perunding Pelan PEMAJUAN**

09

Merdeka

10

**Program Pemantapan Amalan Antirasuah
Dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah MPBP
'Mesyuarat Exit Conference'**

11

**Penilaian Program
Johor Bersih 100 Hari di Kawasan MPBP**

12

**Sambutan Maulidur Rasul
Daerah Batu Pahat**

13

Lensa MPBP

14 & 15

**Penutupan Program Ekspedisi BP Hebat
Program Pemantapan Jati**

16

**Fun Ride Semarak Uniti
Keluarga Malaysia**

17

Lensa Johor Bersih 100 Hari

18 & 19

**Majlis Perasmian Program Mini Showcase
Pembangunan Maju Johor Daerah Batu Pahat**

20

**Lawatan Kerja, Taklimat Dan Perkongsian
Maklumat Kepada MP Temerloh, MD Jerantut,
MD Bera, MD Raub dan MD Maran Ke MPBP
Penyampaian Anugerah Bandar Mampan
2022 Kepada PBT Negeri Johor**

21



2 Julai 2022 – Majlis Perasmian Johor Bersih 100 hari Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diadakan di Dataran Penggaram. Kempen Johor Bersih ini adalah cetusan idea YAB Menteri Besar Johor sendiri yang mahu Negeri Johor bukan sahaja maju dari aspek ekonomi, tetapi juga menjadi antara Negeri terbersih di Malaysia. Tanggungjawab menjaga kebersihan bukan sahaja terletak dibahu Kerajaan atau PBT tetapi juga setiap bangsa Johor.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Fared Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor merangkap Adun kawasan Semerah. Turut hadir YB Puan Norashidah binti Ramli, Adun Kawasan Parit Raja, Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran batu Pahat.

Pada majlis itu juga telah diadakan Majlis Pelancaran Skuad BP Hebat bagi menjaga kebersihan, penguatkuasaan dan pengindahan bandar serta penyerahan geran kepada Jabatan Jalan Angkat. Pelbagai aktiviti juga turut diadakan sepanjang program berlangsung antaranya Program "Plogging" di kawasan sekitar Dataran Penggaram hingga ke Tasik Y, membaling 'Mudball', penanaman pokok, gotong-royong dan banyak lagi.



PERASMIAN
JOHOR BERSIH
100 HARI



LAWATAN PENANDA ARAS KE BANDARAYA MELAKA, GEORGETOWN DAN TAIPING



4 – 6 Julai 2022 – Majlis Perbandaran Batu Pahat yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua telah mengadakan lawatan penanda aras Pengurusan 'Malacca River Cruise' di sungai Melaka. Taklimat disampaikan oleh Datuk TPr. Haji Murad bin Haji Husin, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka. Seterusnya lawatan diteruskan ke Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang bertujuan melihat pembangunan ruang Bandar (Placemaking) dan mengenalpasti inisiatif yang boleh dilaksanakan demi menjadikan Batu Pahat Daerah yang mampan dibawah Inisiatif Transformasi Zon warisan Bandar Penggaram. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Nicole Thum, Pengurus Urban Mechanics Think City. Lawatan terakhir Pengurusan dan Tadbir Urus Bandar Warisan Taiping, Perak. Delagasi disambut oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir. Taklimat berkenaan Bandar Warisan Pengurusan dan Kawalan Papan Tanda Perniagaan di Bandar Warisan Taiping. Seterusnya lawatan ke Raintree Walk @ Taman Taiping bersama Tuan YDP MPT dibawah Inisiatif Transformasi Zon Warisan Bandar Penggaram.



DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATU PAHAT 2030

14 Julai 2022 – Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran bagi Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2030 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14 Menara MPBP.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan negeri Johor. Sebanyak 35 bantahan dan cadangan didengar pada kali ini. Turut serta Pengarah Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor, TPr Saidin bin Lateh, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin, Ketua Pen Setiausaha Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor, Encik Hasnul Atman bin Othman.

Seterusnya lawatan ke Smart City Integrated Operation Centre (IOC) Majlis Perbandaran Batu Pahat bertempat di Aras 5, Menara MPBP. Majlis turut disertai oleh Tuan Ezahar b Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Pembangunan IOC ini merupakan inisiatif di bawah Program Bandar Pintar Dan Rendah Karbon oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat melalui Inisiatif Private Public Partnership (PPP) dengan pihak swasta. Pembangunan IOC ini juga selaras dengan Blueprint Bandar Pintar Negeri Johor yang menggalakkan pembangunan IOC di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Negeri Johor bagi menyokong usaha bandar pintar di Negeri ini.



KEBUN KOMUNITI TAMAN BANANG JAYA

14 Julai 2022 – Lawatan YB Dato' Lawatan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor ke Kebun Komuniti, Taman Banang Jaya, Batu Pahat Di Bawah Inisiatif Kejiranan Hijau, Majlis Perbandaran Batu Pahat diiringi oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Pada lawatan itu juga Yang Berhormat Dato' telah bersetuju untuk memberi peruntukan tambahan kepada Pengurusan Jawatankuasa Kebun Komuniti Taman Banang Jaya sebagai inisiatif penggalak usaha membangunkan sebuah kebun komuniti yang diusahakan secara kerjasama melibatkan pelbagai kaum melayu, Cina dan India. Kebun Komuniti ini juga dicalonkan ke Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2022 di bawah kategori komuniti.



WALKABOUT

SKUAD BP HEBAT SEMPENA

JOHOR BERSIH

100 HARI

19 Julai 2022 - Satu sesi walkabout Tuan Yang DiPertua, Encik Ezahar Bin Abu Sairin bersama Skuad BP Hebat telah diadakan bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti sendiri permasalahan di kawasan berikut.

1. Pasar Awam Batu Pahat
2. Tanah di Jalan Shahbandar (Belakang St. John)
3. Tasik Merdeka
4. Pasar Awam Tongkang Pechah
5. Kedai terbiar di roundabout Simpang Rantai



MESYUARAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN PERINDUSTRIAN MPBP

25 Julai 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perindustrian (IPMC) Peringkat MPBP Bil 2/2022 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, Menara MPBP. Peranan jawatankuasa ini adalah untuk mengurus, memantau dan membantu menyelesaikan masalah berbangkit dalam kawasan perindustrian. Selain itu, ia juga berperanan untuk :

- menanam keyakinan pelabur untuk terus melabur di dalam kawasan MPBP;
- meningkatkan, persefahaman, kerjasama, penyaluran maklumat terkini dan maklumbalas antara pihak kerajaan dan pelabur di peringkat tempatan; dan
- menjadi pusat rujukan serta medan perkongsian maklumat industri dan teknologi untuk kepentingan bersama antara pihak kerajaan, PBT dan pelabur di peringkat tempatan.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Abdul Karim bin Haji Bakar, Setiausaha MPBP dan dihadiri oleh pemain-pemain industri, NGO, GLC dan Jabatan Kerajaan berkaitan.



PENILAI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2022

10 Ogos 2022 - Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) tahun 2022 ke Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Panel penilai adalah terdiri daripada 6 orang pegawai Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh Encik Marthandan A/L Yathamaniyam, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) merupakan sistem yang menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT di seluruh negara menerusi kaedah penggredan yang seragam. Ia bertujuan untuk meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut ranking untuk meningkatkan kapasiti daya saing setiap PBT dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan.



LAWATAN KERJA AKAUNTAN SUKJ,
MAJLIS DAERAH LABIS, MAJLIS DAERAH
YONG PENG, MAJLIS DAERAH MERSING KE

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



24 Ogos 2022 - Lawatan serta sesi perkongsian maklumat berkenaan tatacara menuntut pungutan cukai harta bagi pegangan bercukai di PBT masing-masing. Sesi dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Yang Dipertua MPBP Encik Ezahar bin Abu Sairin diikuti pembentangan jabatan seterusnya sesi perkongsian kaedah dan tatacara menuntut tunggakan cukai.



PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT (CSR)

SEMPENA JOHOR BERSIH 100 HARI
BERSAMA PERUNDING PELAN PEMAJUAN

Beberapa syarikat dan jabatan telah bekerjasama dengan MPBP untuk menjalankan CSR bertujuan mengindahkan semula kawasan pentadbiran MPBP dengan membaikpulih, membersihkan dan mengecat tempat-tempat yang memerlukan penambahbaikan. Terima kasih diucapkan atas kerjasama yang diberikan.



MERDEKA



31 Ogos 2022 – Majlis Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 Tahun 2022 Peringkat Daerah Batu Pahat telah berlangsung di sekitar Dataran Penggaram dan Stadium Batu Pahat.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Perpaduan Negeri Johor sebagai wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.



PROGRAM PEMANTAPAN AMALAN ANTIRASUAH DAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



14 September 2022 - Program Pemantapan Amalan Antirasuah dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah diadakan pada hari ini di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat. Program dimulakan dengan Ceramah Bebas Rasuah oleh PPs Yunus Bin Mohamed, Pegawai Unit Pendidikan Masyarakat (PenMas) SPRM Johor.

Majlis diteruskan dengan bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) diketuai oleh Encik Abdul Karim Bin Haji Bakar, Tuan Setiausaha MPBP disaksikan oleh PKPJ Sheikh Hamadi bin Sheikh Abdul Hamid, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Johor; PPJ Mohd Fauzi bin Shadollah, Ketua Cawangan SPRM Daerah Batu Pahat dan Puan Nor Azizah binti Hasan, Timbalan Ketua Unit Integriti (Tadbir Urus & Pematuhan), Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Seterusnya ialah sesi menandatangani IBR telah disempurnakan di Antara Encik Ezahar Bin Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat dan PKPJ Sheikh Hamadi bin Sheikh Abdul Hamid, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Johor.



MESYUARAT 'EXIT CONFERENCE'

3 Oktober 2022 - Mesyuarat 'Exit Conference' Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Majlis Perbandaran Batu Pahat Berjaya memperolehi Sijil Bersih Penyata Kewangan yang disampaikan oleh Encik Shahril bin Yahya, Pengarah Audit Negeri Johor. Mesyuarat telah diadakan di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14 menara MPBP.



PENILAIAN PROGRAM JOHOR BERSIH 100 HARI DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

5 Oktober 2022 – Penilaian Kebersihan Program Johor Bersih 100 Hari di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Panel penilai adalah terdiri daripada 7 orang pegawai yang diketuai oleh Encik Mohd Syafiq bin Sarju; Penolong Setiausaha (Dasar) SUK Johor Bahagian Kerajaan Tempatan. Turut menilai ialah Encik Darren; Pegawai Pejabat Menteri Johor, Pegawai Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Pegawai Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Pegawai SwCorp Negeri Johor.





SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

DAERAH BATU PAHAT



9 Oktober 2022 – Majlis Sambutan Maulidur Rasul tahun 1444H / 2022M Peringkat Daerah Batu Pahat bertemakan “Keluarga Johor, Pemangkin Pembangunan Negeri” telah dilaksanakan di Masjid Sultan Ismail, Batu Pahat.

YAM Tunku Abdul Rahman Hassan al-Jaffri ibni Sultan Ibrahim, Tunku Panglima Johor turut berangkat dan turut sama dalam perarakan yang bermula dari hadapan Hotel Katerina Batu Pahat hingga ke Masjid Sultan Ismail Batu Pahat seawal 7.45 pagi.

Turut hadir adalah Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat, Ahli-ahli Jumaah Majlis Diraja Johor, Pentadbir Tanah Batu Pahat, Yang Dipertua MPBP, Pegawai-pegawai Kerajaan serta penduduk Batu Pahat.







MPBP

22





SIRI 7 Gunung Maokil
3 November 2022



PENUTUPAN PROGRAM EKSPEDISI BP HEBAT PROGRAM PEMANTAPAN JATI

SIRI 1 Bukit Banang
28 Julai 2022



SIRI 2 Hutan Lipur Soga Perdana
28 Julai 2022



3 November 2022 - Penutup Program Ekspedisi BP Hebat dan Program Pemantapan Jati Diri berakhir di Gunung Maokil. Mempunyai 7 siri pendakian bukit dalam Daerah Batu Pahat dimulakan dengan Bukit Banang dan seterusnya Bukit Soga, Bukit Inas, Bukit Payong, Bukit Segenting, Bukit Bindu dan berakhir di Gunung Maokil (Air Terjun Jerai).

Program ini merupakan program Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama Pejabat Hutan Negeri Johor. Bagi pendakian Gunung Maokil ini para peserta perlu mendaki sepanjang 5 kilometer hingga mencapai ketinggian 578 meter atau 1896 kaki dengan tahap kesukaran 3 daripada 4 dan akan melalui Air Terjun Jerai di Cp1.

Program ini turut disertai seramai lebih kurang 100 orang peserta dari pelbagai jabatan dan agensi dengan di ketuai oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Pejabat Tanah Batu Pahat, Majlis Daerah Yong Peng, Jabatan Pengairan dan Saliran Batu Pahat, UTHM, Risda Batu Pahat, Angkatan Pertahanan Maritim Batu Pahat, JPAM, Southern Volunteers Batu Pahat dan Urusetia terlibat.

Terima kasih diucapkan kepada Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak bagi menjayakan program ini.



SIRI 3 Bukit Inas
4 September 2022



SIRI 4 Bukit Payong
25 September 2022



SIRI 5 Bukit Segenting
6 Oktober 2022



SIRI 6 Bukit Bindu
20 Oktober 2022



NOVEMBER



FUN RIDE

SEMARAK UNITI

KELUARGA MALAYSIA

12 November 2022 – Program “Fun Ride” Semarak Uniti Keluarga Malaysia Bangsa Johor Peringkat Daerah Batu Pahat dan Perasmian Majestic Johor Clean. Acara “Fun Ride” telah bermula di Dataran Penggaram Menuju Ke Pantai Minyak Beku bagi acara Perasmian majestic Johor Clean. Majlis disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi Adun Rengit merangkap Speaker Dewan Negeri Johor







MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MINI SHOWCASE PEMBANGUNAN MAJU JOHOR DAERAH BATU PAHAT 2022

13 NOVEMBER 2022 - Program Mini Showcase Pembangunan Maju Johor ini diadakan di Square One Batu Pahat. Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Ling Tian Soon; Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Kesihatan Negeri Johor. Turut hadir Tuan Haji Nasri bin Md Ali; Pegawai Daerah Batu Pahat, Tuan Ezahar bin Abu Sairin; YDP Majlis Perbandaran Batu Pahat, Tuan Hj Faiz bin Jamil; YDP Majlis Daerah Yong Peng, ACP Ismail bin Dollah; Ketua Polis Daerah Batu Pahat serta Ketua-ketua Jabatan Daerah Batu Pahat serta Pegawai-pegawai dan orang awam.

Program ini diadakan bagi memberi penerangan dan maklumat kepada masyarakat tentang peranan agensi kerajaan dalam pembangunan di Negeri Johor khususnya di Daerah Batu Pahat. Dalam program ini beberapa agensi juga telah membuka pameran antaranya Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Daerah Yong Peng, Southern Volunteers Batu Pahat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan Batu Pahat AADK Daerah Batu Pahat, dan Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat.

Kaunter bayaran cukai taksiran dan kaunter bayaran cukai tanah turut dibuka bagi kemudahan kepada orang ramai. Turut dibuka kaunter pendaftaran Southern Volunteers.



LAWATAN KERJA, TAKLIMAT DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT

KEPADA MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH, MAJLIS DAERAH JERANTUT, MAJLIS DAERAH BERA, MAJLIS DAERAH RAUB DAN MAJLIS DAERAH MARAN KE MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



1 Disember 2022 - Lawatan bagi perkongsian maklumat dan pengetahuan berkenaan proses kerja-kerja Penilaian Am Semula pegangan bercukai dan belum bercukai yang sedang berjalan di Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Sesi bermula di aras 14 dengan penerangan dan taklimat oleh Ketua Jabatan JPPH dan Ketua Unit Perolehan & Kontrak MPBP kepada lima PBT Negeri Pahang berkenaan proses kerja Penilaian Semula dan Pengurusan Tender bagi urusan Proses kerja Penilaian Semula.

Sesi penerangan dan perkongsian prosedur dan tatacara penilaian juga dikongsi bagi kerja yang sedang berjalan di Majlis Perbandaran Batu Pahat untuk rujukan Pihak PBT Pahang.



PENYAMPAIAN ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2022

KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI JOHOR

13 Disember 2022 - Majlis Perbandaran Batu Pahat menerima Anugerah Bandar Mampan 2022 Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama PLANMalaysia. ingin mengucapkan TAHNIAH dan SYABAS kepada kesemua 16 PBT Negeri Johor yang telah mencapai TAHAP MAMPAN melalui Program MURNInets bagi penilaian Tahun 2022.







MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT TAHUN 2022

5 DISEMBER 2022 - Perhimpunan dimulakan dengan sesi Ucapan dan Amanat oleh YBhg. Ezahar Bin Abu Sairin, Yang DiPertua MPBP yang telah berucap berkenaan program tahunan MPBP dan Tuan YDP juga sempat mengucapkan tahniah di atas pencapaian yang telah dikecapi oleh MPBP pada tahun 2022.

Majlis diteruskan dengan sesi pengenalan kakitangan lantikan baru MPBP dan penyerahan surat kenaikan pangkat secara **time based** yang diketuai oleh Puan Noor Adiba Binti Abdul Rashid; Ketua Jabatan Pelesenan, Puan Fadilah Binti Samsudin; Ketua Unit Landskap, Encik Saipul Akma Bin Adan; Pegawai Teknologi Maklumat, dan Puan Nur Marina Hani Binti Ribot, Jurutera Jabatan Kejuruteraan dan Landskap.

Turut diadakan ialah pameran dan ceramah oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang bertajuk "Ceramah Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah".



Sejenak Di Bilik YDP

21 Julai 2022

Kunjungan Hormat Puan Noor Faziha binti Md Noor, Penilai Daerah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Batu Pahat.



17 Ogos 2022

Kunjungan Hormat Encik Nor Nekman bin Jaimon, Pengarah SPR Negeri Johor.



7 September 2022

Kunjungan Hormat Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil bin Omar, Pengarah Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) UTHM.



27 September 2022

Kunjungan Hormat Encik Md Nazirruddin bin Ab Moez, Pengarah Telekom Malaysia (TM) Johor.



10 Oktober 2022

Kunjungan Hormat serta penyerahan sumbangan Komputer, Komputer Riba dan Printer kepada Southern Volunteers Batu Pahat



14 November 2022

Kunjungan Hormat Jabatan Pendidikan Negeri Johor diketuai oleh Encik Mohamad Faizal bin Sarman, Setiausaha Agung MSSJ.



26 Oktober 2022

Kunjungan hormat Tan Sri Dato' Tan Seng Leong, Pengarah Urusan Kumpulan BCB Berhad



7 Disember 2022

Kunjungan Hormat Pengetua SMK Tinggi Batu Pahat , Cikgu Yazid bin Zawawi.



30 Julai 2022

ZON
16

Ahli Majlis Datin Hajar binti Abdul Rahman
Batu Pahat Mall



22 Oktober 2022

ZON
09

Ahli Majlis YH Dato' Ali Shikh Ahmad
Taman Melur, Parit Imam



17 Disember 2022

ZON
02

Ahli Majlis Encik Hamdan Ayub
Masjid Taman Seri Sulong



02 Oktober 2022

ZON
06

Ahli Majlis Encik Ng Ceng Cuan
Dewan Terbuka, Taman Maju



31 Disember 2022

ZON
11

Ahli Majlis Encik Manirajah A/L Suppiah
Dewan Terbuka Taman Universiti Parit Raja



31 Disember 2022

ZON
05

Ahli Majlis Toh Poey Tiong
Dewan Terbuka, Taman Seri Indah, Parit Raja



30 Disember 2022

ZON
14

Ahli Majlis Encik Alvin Teo Wee Chong
Dewan Terbuka Taman Banang



27 Disember 2022

ZON
05

Ahli Majlis Tuan Haji Mohd Ismail bin Roslan
Pusat Pertubuhan Peladang Kawasan Simpang Lima



28 Disember 2022

ZON
20

Ahli Majlis Encik Kahar bin Osman
Dataran Penggaram Batu Pahat



22 Disember 2022

ZON
19

Ahli Majlis Encik Ranjit Singh A/L Gurdial Singh
Gerei Niaga Taman Soga, Batu Pahat



17 Disember 2022

ZON
10

Ahli Majlis Encik Teo Shang Chuan
Dewan Terbuka Sri Gading, Batu Pahat



10 Disember 2022

ZON
22

Ahli Majlis Puan Teo Siaw
Dewan Terbuka Taman Senggarang 2



26 Disember 2022

ZON
23

Ahli Majlis Hajah Fauziah binti Subari
Dewan Taman Pandan Jaya 2 Rengit



18 Disember 2022

ZON
21

Ahli Majlis Encik Yaman bin Basiran
Taman Rekreasi Evergreen Hight



11 Disember 2022

ZON
16

Ahli Majlis Encik Ter Hwa Kwong
Tempat Letak Kereta Pasaraya The Store



08 Disember 2022

ZON
01

Ahli Majlis Encik Amir Hamzah bin Mamon
Dewan Terbuka SK Peserian Semerah, Batu Pahat



Bengkel & Kursus



20 Julai 2022 – Bengkel E-PBT (Modul Sewaan) Majlis Perbandaran Batu Pahat bertempat di Bilik Latihan ICT, Aras 5, menara MPBP. Taklimat bengkel disampaikan oleh MSC Cyberport Sdn Bhd.



6 - 8 Disember 2022 – Kursus pengenalan dan Pemantapan Audit Dalaman bagi Sistem Pengurusan MS ISO 9001 : 2015 telah diadakan V8 Hotel Johor Bahru. Amanat dan majlis penutup disempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.



21 Julai 2022 – Bengkel dan Taklimat Pelan Tindakan Bandar Pintar & Rendah Karbon Batu Pahat 2022-2030. Bertempat di bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, menara MPBP dirasmikan oleh Tuan YDP MPBP, Encik Ezahar bin Abu Sairin.



11 - 13 Oktober 2022 – Bengkel Pengurusan Sumber Manusia dan Hrmis Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diadakan di Hotel Rosa Pasadena, Cameron Highlands. Bengkel dirasmikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Yayasan Makmur Batu Pahat

Yayasan Makmur
Batu Pahat

◆ 21 Julai 2022

Penyampaian sumbangan kepada mangsa kebakaran di Taman Ampang Jaya



◆ 09 Ogos 2022

Penyampaian sumbangan kepada waris Allahyarham Hamzah Hussin di kampung Muhibbah.



◆ 25 September 2022

Penyampaian Sumbangan kepada mangsa kebakaran di Jalan Tanjung Labuh



◆ 18 - 19 Oktober 2022

Sumbangan bakul makanan dan wang tunai sempena perayaan Deepavali



◆ 23 Ogos 2022

Penyampaian sumbangan kepada mangsa kebakaran di Taman Putera Indah



◆ 5 Oktober 2022

Penyampaian sumbangan kepada Penghulu-penghulu serta Southern Volunteers Batu Pahat yang telah bertungkus lumus membantu Agensi kerajaan dalam menjalankan tugas di pusat pemindahan sementara PPS banjir.



◆ 20 September 2022

Penyampaian sumbangan kepada mangsa kebakaran di Taman Putera Indah



◆ 1 Disember 2022

Penyampaian Sumbangan Ihsan oleh Yayasan Makmur Batu Pahat kepada staf MPBP yang telah ditimpa musibah.





KEJOHANAN FUTSAL PIALA YDP MPBP 2022



29 DISEMBER 2022 (KHAMIS) - Kejohanan Futsal Piala Yang DiPertua MPBP telah dilaksanakan dengan meriahnya bertempat di Gelanggang Futsal Parit Besar, Batu Pahat anjuran bersama MPBP dan Kelab Bunga Tanjung dengan kerjasama Hospital Pantai Batu Pahat.

"Exhibition Match" Sepakan Penalti turut dilaksanakan diantara Pasukan YDP menentang Pasukan Ketua Jabatan yang telah dimenangi oleh Pasukan YDP.

Penyampaian hadiah utama telah di sempurnakan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, YBhg. Ezahar bin Abu Sairin. Turut hadir Encik Abdul Karim Bin Bakar; Setiausaha MPBP dan Ketua-ketua Jabatan MPBP.



Sukan



24 September 2022

Majlis Sambutan Kemenangan dan Kejuaraan Sukan Johor Peringkat Daerah Batu Pahat



05 Disember 2022

Tahniah diucapkan kepada Team Bola Jaring Southern Volunteers MPBP mendapat tempat kedua pada Karnival Sukan Southern Volunteers PBT Johor 2022

29 Disember 2022

Tahniah diucapkan kepada Team Bowling Kelab Bunga Tanjung Majlis Perbandaran Batu Pahat yang telah menjuarai Pertandingan Bowling 5 Penjuru anjuran Pusat Khidmat Parlimen Batu Pahat dan Kelab Sukan dan Sosial, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor.



16 Oktober 2022

Perlawanan persahabatan badminton Antara MPBP dan City BC



SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI HARTA?

BAYAR PADA ATAU SEBELUM

- Penggal 1 - 28 Februari setiap tahun
- Penggal 2 - 31 Ogos setiap tahun
- NOTIS DENDA
- HARTA DISITA
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG

PEMBAYARAN CUKAI HARTA *JomPAY*



Biller Code : 75648
Ref-1 : No. Akaun Cukai Harta
Ref-2 : No. Telefon

LANGKAH 1

Masukkan **Biller Code: 75648** dan **Press Enter**

LANGKAH 2

Ref-1
Ref-2
Pay Amount
Effective Date: 23 May, 2021
Set Recurring
I hereby agree to the Terms and Conditions
PAY

- ~ Masukkan **Ref-1**: <No. Akaun Cukai Harta> cth A10010311
- ~ Masukkan **Ref-2**: <No. Telefon> cth 012345678
- ~ Masukkan Jumlah Bayaran (**Pay Amount**)
- ~ Pilih Bayar (**PAY**)

A10010311



MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my |
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999